

RAKYAT PERLU BERWASPADA

PKM masih

teruskan

usaha: KPN

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Oleh BUSTAMAM AHMAD

KUALA LUMPUR, Sabtu -- Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohd. Haniff Omar hari ini memberi amaran agar jangan memperkecilkan kemampuan anasir komunis dalam menggunakan Islam bagi tujuan memecah-belahkan perpaduan Melayu.

Beliau menegaskan, Parti Komunis Malaya (PKM) masih meneruskan usahanya memenangi sokongan rakyat keturunan Melayu untuk melemahkan asas politik Kerajaan.

Menurutnya, sekalipun perjuangan bersenjata KPM dapat ditumpaskan, rakyat, terutamanya keturunan Melayu, perlu terus berwaspada terhadap penekanan KPM ke atas perjuangan Barisan Bersatunya.

"Ini perlu diberi perhatian kerana bukan semua orang Melayu arif dalam bidang agamanya sendiri dan anasir-anasir komunis bukan tidak boleh mendalami ajaran agama kita, khususnya untuk menggellrukan Melayu.

"Jangan memperkecilkan kemampuan anasir komunis, samaada pro-China atau Russia dalam menggunakan Islam bagi memecah-belahkan perpaduan orang Melayu. Ini adalah bermatlamat untuk mempuskan ketahanan masyarakat kita," tegasnya.

Tan Sri Mohd. Haniff berkata demikian dalam ceramahnya bertajuk "Aliran yang melibatkan keselamatan Malaysia masa kini dan masa muka" di Program Pengajian Strategi dan Keselamatan bagi pegawai kanan polis di Universiti Kebangsaan Malaysia di sini.

Jelas beliau lagi, PKM akan tetap berusaha mendapat sokongan orang Melayu kerana kini terdapat kurang dari 100 pengganas komunis Melayu dari Semenanjung Malaysia yang masih menyertai KPM di hutan Selatan Thai.

"Kesemua mereka ini bertambah tua tahun demi tahun dan dengan ketiadaan rekrut baru dalam KPM sejak 30 tahun lalu, KPM adalah semakin sukar untuk menggantikan pengganas-pengganas Melayu yang ada tambahannya.

Tan Sri Mohd. Haniff selanjutnya berkata KPM telah menubuhkan apa yang dipanggil "Parti Nasionalis Revolusi Melayu Malaya (PNRMM)" Jun lalu yang bertujuan menyatupadukan semua tenaga komunis, sosialis dan agama.

Menurut beliau, ini adalah langkah pertama ke arah penubuhan apa yang digelar "Kerajaan Campuran Demokratik", yang boleh disifatkan sebagai NASAKOM Malaysia.

"PNRMM yang dikatakan dipimpin oleh Abdullah C.D. sebenarnya bukan sebuah organisasi, tetapi satu alat propaganda bagi menggellrukan fikiran orang Melayu.

"Mereka yang menjadi sasaran PNRMM ialah bekas ahli API, SEDAR, AWAS serta keturunan mereka dan akhir sekali golongan Melayu yang tidak berteduh di bawah payung parti yang memerintah," tegasnya.

Selain dari itu, tambahannya KPM juga menyebarkan berbagai propaganda melalui satu pertubuhan yang digelar Parti Persaudaraan Islam (PAPERI) untuk menghilangkan syakwasangka orang-orang Melayu terhadap sifat KPM yang tidak mempercayai Tuhan.

Katanya, propaganda ini disebarkan dalam bentuk pernyataan atau perutusan mengenai upacara keagamaan seperti Hari Raya Aidilfitri dan Hari Keputeraan Nabi Muhammad.

"Ini adalah tektik halus komunis selepas memperoleh pengalaman dari berbagai kesilapan mereka yang terdahulu dari ini.

"Bagaimanapun, usaha komunis bagi melemahkan ketahanan nasional kita telah dapat dipatahkan melalui penguatkuasaan berbagai undang-undang, yang membolehkan seseorang itu mengenali serigala dari kalangan ternakan kambingnya," ujar beliau.

Tan Sri Mohd. Haniff menambah ketahanan nasional sebagai cara berkesan mengatasi masalah keselamatan negara bukan hanya bergantung kepada alat perkakas sahaja, tetapi yang lebih penting ialah perpaduan rakyat.

Persidangan ASCOPE Ke-2

MANILA, Sabtu -- Kira-kira 1,000 perwakilan dari seluruh dunia dijangka menghadiri persidangan Majlis Asean mengenai Petrolam (ASCOPE) yang kedua, lima hari di sini, mulai 7 Oktober.

Presiden Marcos akan memberi ucapan penting. Kira-kira 60 kertas kerja mengenai sumber-sumber tenaga seperti petrolam, kayu arang, haidro, getebemal dan biomas akan dibincangkan. -- Bernama.